



SATU PERMULAAN

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Satu Permulaan

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Satu Permulaan



“Dan semuanya ini dari Allah, yang dengan perantaraan Kristus telah mendamaikan kita dengan diri-Nya dan yang telah mempercayakan pelayanan perdamaian itu kepada kami. Sebab Allah mendamaikan dunia dengan Diri-Nya oleh Kristus dengan tidak memperhitungkan pelanggaran mereka. Dia telah mempercayakan berita perdamaian itu kepada kami. Jadi kami ini adalah utusan-utusan Kristus, seakan-akan Allah menasihati kamu dengan perantaraan kami...”
(2 Korintus 5:18-20a)

Apakah rancangan Allah sejak dari awal penciptaan manusia dan dunia ini? Allah bukan hanya mencipta dan kemudian membiarkan ciptaan-Nya itu wujud tanpa sebarang tujuan.

Tetapi dalam segala kekuasaan dan kedaulatan-Nya, Allah telah mendedahkan lima fakta tentang hubungan-Nya dengan kita di dalam Alkitab:

- Allah adalah kudus dan tidak akan bertoleransi dengan kejahatan
- Allah telah mencipta manusia supaya kita boleh bersekutu dengan-Nya
- Semua manusia telah mengingkari Allah dan kehilangan persekutuan dengan-Nya
- Yesus menyediakan jalan bagi manusia untuk kembali bersekutu dengan-Nya
- Penerimaan tawaran penyelamatan Yesus membolehkan kita hidup dalam kehidupan bermakna yang sesuai dengan kehendak Allah.

Marilah kita melihat sekali lagi lima fakta di atas dengan lebih mendalam.

A. Kedudukan Ilahi

Alkitab menyatakan bahawa Allah adalah kudus dan tidak akan bertoleransi dengan sebarang kejahatan. Rujuk Yosua 24:19. Apakah yang dikatakan tentang Allah?

Tetapi Yosua berkata kepada bangsa itu: "Tidaklah kamu sanggup beribadah kepada TUHAN, sebab Dialah Allah yang kudus, Dialah Allah yang cemburu. Ia tidak akan mengampuni kesalahan dan dosamu." (Yos 24:19)

³ Makhluk-makhluk itu berseru satu sama lain, “Suci, suci, suci!
Sucilah TUHAN Yang Maha Kuasa!
Bumi penuh dengan hadirat-Nya yang mulia.”

⁴ Suara makhluk-makhluk itu menyebabkan asas Rumah TUHAN bergoncang, dan Rumah TUHAN itu dipenuhi asap. ⁵ Lalu aku berkata, “Malanglah aku! Tiada harapan lagi bagi aku, kerana tiap-tiap perkataanku itu dosa, dan aku hidup di kalangan orang yang begitu juga. Namun dengan mataku sendiri, aku telah melihat Raja, TUHAN Yang Maha Kuasa!” (Yes 6:3-5)

Baca Yesaya 6:1-5. Apakah yang dikatakan oleh para malaikat tentang Allah?

Apakah reaksi Nabi Yesaya apabila berhadapan dengan penglihatannya tentang Allah?




Allah yang agung dan suci telah mencipta manusia (Adam dan Hawa) untuk bersekutu dengan-Nya di dalam suasana yang selamat. Baca Kejadian 2:7-23. Apakah perkataan yang muncul di dalam fikiran anda untuk

menggambarkan situasi tersebut?

B. Masalah Manusia

Akan tetapi sesuatu telah berlaku. Adam dan Hawa telah mengingkari satu-satunya larangan Allah kepada mereka. Allah telah berfirman bahawa “Engkau tidak boleh makan buah pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat; jika engkau makannya, engkau pasti mati pada hari itu juga.” Namun, kedua-dua mereka ingkar akan Allah dengan memakan buah yang dilarang itu.

Anda boleh membaca cerita sedih ini dalam Kejadian 3:1-13. Apakah reaksi mereka selepas mengingkari arahan Allah?



Alkitab mendefinisikan dosa sebagai **keingkaran atas arahan Allah**. Kita cenderung untuk menyamakan dosa dengan tindakan luaran yang jelas seperti membunuh, berkelakuan curang, mencuri dan sebagainya....

Akan tetapi, inti dasar dosa ialah keangkuan serta pemberontakan terhadap Allah. Dosa merupakan keengganan untuk membenarkan Allah menjadi Pemerintah dalam hidup kita. Jika kita jujur kepada diri sendiri, kita akan menyadari bahwa itulah keadaan kita yang sebenarnya. Allah melihat hati dan lebih mementingkan **motif dalaman**. 1 Samuel 16:7 memberitahu kita tentang apa yang dilihat oleh Allah. Apakah yang dilihat oleh Allah ?

Tetapi berfirmanlah TUHAN kepada Samuel: "Janganlah pandang parasnya atau perawakan yang tinggi, sebab Aku telah menolaknya. Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Allah; manusia melihat apa yang di depan mata, tetapi TUHAN melihat hati"
(1 Sam 16:7)

Jika diukur dengan piawai mutlak Allah yang kudus, kita semua telah jauh dari Allah. Dalam kata lain, kita semua telah berdosa. Roma 3:23 menyatakan ini dengan jelas. Menurut ayat ini, siapakah yang telah berdosa?

"Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka." (Rm 3:23)



Dosa telah memisahkan kita daripada Allah serta memusnahkan persekutuan di antara kita dengan-Nya. Dan akibat daripada perpisahan itu ialah kematian – kematian kerohanian yang seterusnya mengakibatkan kematian fizikal.

Baca Yesaya 59:1,2. Apakah yang dilakukan oleh dosa terhadap kita semua?

¹Jangan sangka bahawa TUHAN terlalu lemah untuk menyelamatkan kamu, atau terlalu peka untuk mendengar seruan kamu minta tolong!
²Kerana dosa kamu, Dia tidak mendengarkan kamu, apabila kamu berdoa kepada-Nya. Dosa kamu memisahkan kamu daripada-Nya.
(Yes 59:1-2)

Apabila kita terpisah daripada Allah, kita akan mendapati bahawa kita akan lebih terasing. Kita terserpih daripada masyarakat dan juga diri sendiri.

Yakobus 4:1-4 menjelaskan kepada kita bahawa dosa akan menyebabkan perpisahan yang lebih lanjut. Apa lagi halangan kepada hubungan yang dinyatakan dalam ayat Alkitab ini?

¹Dari manakah datangnya semua perkelahian dan pertengkaran yang berlaku antara kamu? Semua itu berasal daripada keghairahan untuk kesenangan hidup, yang sentiasa bertentangan dalam diri kamu. ²Kamu mengingini sesuatu, tetapi tidak mendapatnya, maka kamu mahu membunuh. Kamu sangat menghendaki sesuatu, tetapi tidak dapat memperolehnya, maka kamu bertengkar dan berkelahi. Kamu tidak mendapat apa yang kamu ingini, kerana kamu tidak memintanya daripada Allah. ³Apabila kamu memintanya, kamu tidak mendapatnya, kerana tujuan kamu jahat. Apa yang kamu minta itu untuk kesenangan diri sendiri. ⁴Kamu orang yang tidak setia! Kamu tahu bahawa orang yang bersahabat dengan dunia menjadi musuh Allah. Oleh itu, sesiapa yang mahu bersahabat dengan dunia, menjadi musuh Allah. (Yak 4:1-4)

¹⁸Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu pun yang baik dalam diriku, ataupun dalam tabiatku sebagai manusia. Hal itu demikian kerana walaupun ada padaku keinginan untuk berbuat baik, tetapi aku tidak dapat melakukannya. ¹⁹Aku tidak melakukan perkara baik yang ingin aku lakukan, sebaliknya aku melakukan perkara jahat yang tidak ingin aku lakukan. ²⁰Jika aku melakukan perkara-perkara yang tidak ingin aku lakukan, hal ini bererti bukan aku yang melakukannya, melainkan dosa yang menguasai diriku. (Rm 7:18-20)

Roma 7:18-20 memberitahu kita tentang satu lagi perpisahan. Apakah itu?

Pembacaan sepintas lalu dalam mana-mana surat khabar harian sudah cukup untuk memberitahu kita bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan manusia.

C. Penyelesaian Ilahi

Jika dibiarkan sendiri, manusia akan menuai kesan-kesan mutlak dosa dan juga akibat perpisahan daripada Allah – kematian. Manusia memang tidak boleh mencari jalan penyelesaian bagi masalah ini walaupun kita telah mencuba. Akan tetapi Allah tidak membiarkan perkara itu begitu sahaja. Dia telah mengerjakan suatu penyelesaian.



“Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengurniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal.”
(Yoh 3:16)

Allah telah mengambil suatu tindakan dan berjaya melaksanakannya. Apakah rancangan penyelamatan Allah? Baca Yohanes 3:16. Siapakah yang telah dihantar oleh Allah?

Apakah motif Allah berbuat sedemikian?

Apakah hasilnya apabila seseorang percaya akan Anak Allah?

Baca 1 Petrus 3:18. Apakah yang dilakukan oleh Yesus?

“Hal itu demikian kerana Kristus sendiri mati sekali sahaja dan untuk selama-lamanya, supaya dosa kita diampunkan. Dia tidak bersalah tetapi mati untuk orang yang bersalah, supaya Dia boleh memimpin kamu kepada Allah. Dia dibunuh dalam keadaan jasmani, tetapi dihidupkan semula dalam keadaan rohani.”

(1 Pet 3:18)

Apakah akibat daripada tindakan tersebut?

Inilah berita baik tentang apa yang telah Allah lakukan. Apabila kita tidak mampu menyelesaikan masalah dosa

di dunia ini, maka Yesus Kristus harus mati untuk dosa kita. Apa yang telah kita lakukan untuk layak menerima semua pertolongan ini? **Sama sekali tidak ada.** Ia merupakan rahmat kasih kurnia dari pihak Allah. Bacalah Roma 5:8 dengan penuh rasa kagum.



“Tetapi Allah telah menunjukkan betapa besarnya kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa.”
(Rm 5:8)

D. Berita Baik Dari Allah

Rancangan penyelamatan Allah itulah yang dipanggil sebagai Berita Baik, kerana Allah telah menyediakan satu berita yang baik untuk manusia diselamatkan. Untuk menerima penyelamatan atau berita baik itu bukanlah satu perubahan tingkah laku semata-mata, atau menjadi peribadi yang lebih baik, atau belajar untuk menjadi lebih bermoral. Ia bukan tentang cuba meneladani dan mengikut gaya hidup Yesus, atau mengubah/menebus kehidupan duniawi. Ia bukan menjadikan hidup berkomuniti dengan orang lain sebagai kehidupan yang utama dan berkongsi secara murah hati dengan komuniti yang mempraktikan cara kehidupan Yesus di dalam budaya setempat.

Semua itu baik, namun ia tidak harus disalah anggap sebagai Berita Baik. Adakah anda perasan ciri utama hal-hal di atas adalah tidak berkaitan langsung dengan

apa yang Kristus telah lakukan untuk kita, tetapi apa yang kita lakukan untuk-Nya? Injil Penyelamatan yang sebenar adalah: apa yang telah Kristus Sang Juruselamat telah lakukan untuk kita (di dalam kehidupan, kematian dan kebangkitan-Nya), bukan arahan atau nasihat tentang perkara yang perlu kita lakukan untuk Tuhan. Kejayaan Kristus, bukan kita, yang menjadi intipati Injil Penyelamatan. Ia bukan tentang apa yang kita lakukan, tetapi perbuatan kita yang menyusul dari kesyukuran kita terhadap apa yang telah Kristus lakukan untuk kita.

Secara ringkasnya, Injil Penyelamatan adalah berita yang mengubah kehidupan: Yesus Kristus, Anak Allah yang Kekal, menjadi manusia, hidup dengan kekudusan menurut Hukum, mati untuk orang berdosa dan bangkit semula untuk mendamaikan mereka dengan Diri-Nya, supaya mereka yang percaya dan menerima-Nya akan memiliki kemenangan untuk selamanya ke atas setiap musuh yang menjadi penghalang di antara Allah dan manusia.

Oleh kerana karya penebusan Kristus ini, tiada yang memisahkan di antara mereka yang percaya dengan Pencipta mereka dan semua kebaikan yang dijanjikan-Nya melalui Diri-Nya.

Menurut D.A. Carson, Injil berpusat “pada Yesus Kristus dan apa yang telah dilakukan Allah melalui-Nya. Perkara-perkara dasar Injil ialah status Yesus Kristus sebagai Anak Allah, kemanusiaan-Nya yang sejati, kematian-Nya untuk dosa kita, pengebumian,

kebangkitan, penampakan selepas kebangkitan, dan kedatangan-Nya semula pada Hari Penghakiman kelak. Tiada siapa pun diperbenarkan melainkan dengan pekerjaan kasih Yesus Kristus melalui kematian dan kebangkitan-Nya. Ia bukan sekadar pembacaan tentang kebenaran teologi dan peristiwa sejarah; lebih dari itu, ia menghubungkan kebenaran dan peristiwa ini dengan situasi setiap individu yang percaya.”

Tidak ada keselamatan di luar Tuhan Yesus Kristus. Oleh itu, percayalah kepada Yesus dan bukan kesalahan diri anda sendiri. Tapi ada yang menolak pemberian percuma dari Tuhan ini kerana mereka mempercayai kebaikan diri mereka sendiri. Seperti yang pernah dikatakan oleh seorang Puritan bernama Thomas Watson:

[Ada yang berfikir] ...mereka sangat baik, sehingga mereka mencemuh tawaran kasih dari Tuhan. Sesungguhnya ini seringkali merupakan situasi paling buruk: mereka adalah yang merasakan tidak perlu pertaubatan (Lukas 15:7). Moral mereka sendiri menidakkan mereka. Mereka menjadikan moral sebagai “penyelamat”, maka atas dasar ini mereka menderita kecelakaan.

Moral tidak dapat mencapai Syurga. Ia hanya tapisan semula jadi. Manusia moral hanyalah seperti Adam yang lama berbajukan pakaian yang indah. Imej Raja yang dipalsukan dan dicopkan di atas tembaga tidak akan dapat bertahan dalam peredaran masa. Manusia bermoral kelihatan seperti memiliki imej Tuhan — namun dia hanyalah

tembaga, yang tidak akan dapat bertahan di dalam aliran masa.

Nilai moral tidak cukup untuk keselamatan. Walaupun hidup dengan moral, keinginan daging tidak akan dapat dihilangkan. Hati mungkin penuh dengan keangkuhan dan ketidakpercayaan terhadap Tuhan. Di bawah daun pokok yang hijau, mungkin akan ada ulat.


Saya tidak mengatakan bertaubat agar anda bermoral - tetapi bertaubatlah kerana anda tidak lebih dari bermoral. Jika moral mencukupi untuk keselamatan, Kristus tidak perlu mati. Manusia moral memiliki pelita yang baik — namun tiada minyak kasih.”

“Ketahuilah bahawa demikian juga di syurga ada kegembiraan yang lebih besar kerana seorang berdosa bertaubat, daripada kegembiraan kerana sembilan puluh sembilan orang berhormat yang berpendapat mereka tidak perlu bertaubat.” (Luk 15:7)

E. Respon Manusia

Jadi, bagaimanakah penyelesaian yang telah disediakan oleh Allah boleh diguna-pakai dalam kehidupan kita? Apakah respon kita? Harus diingati bahawa kita telah diselamatkan daripada dosa dengan **kasih kurnia Allah**. Kita langsung tidak mampu berbuat apa-apa untuk mendapatkan keselamatan itu. Manusia mungkin melakukan pelbagai perkara dengan harapan untuk mendapatkan keselamatan.

Akan tetapi hanya Yesus yang telah berjaya mengatasi masalah dosa dengan mengambil dosa kita ke atas diri-Nya ketika Dia mati di atas kayu salib.



Allah telah melakukan segala-galanya dengan sempurna. Allah menawarkan penyelamatan melalui Anak-Nya Yesus Kristus. (Lihat Buku 4 dalam Siri ini) Apakah respon kita?

Bagaimanakah kita dapat diselamatkan menurut ayat di Efesus 2:8,9?


“Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu.”

(Ef 2:8-9)

Kita menerima kurnia Allah yang percuma ini melalui iman. Iman ialah kepercayaan dan penerimaan Yesus Kristus berdasarkan siapakah Diri-Nya dan apa yang telah dilakukan oleh-Nya. Iman sedemikian bukan iman

yang membabi buta seolah-olah kita dipaksa untuk percaya akan sesuatu yang tidak benar atau yang tidak wujud.

Sebaliknya, iman yang menyelamatkan ini bertunjangkan atas apa yang ditunjukkan oleh Allah dalam firman-Nya. Allah telah melakukan perkara ini untuk kita! Adakah kita percaya itu?



Baca Kisah Rasul-Rasul 2:38. Apakah perkara-perkara penting yang perlu kita perhatikan jika kita percaya akan apa yang dilakukan oleh Allah untuk kita melalui Yesus?

Petrus menjawab, “Hendaklah setiap orang di kalangan saudara bertaubat daripada dosa, lalu dibaptis demi nama Yesus Kristus, supaya dosa saudara-saudara diampunkan lalu saudara semua akan menerima pemberian Allah, iaitu Roh Allah. (Kis 2:38)

Pertaubatan bermaksud **berpaling 180° daripada sifat berdosa kita yang silam dan menuju kepada Allah dengan seluruh diri kita mematuhi-Nya**. Bertaubat bukan sahaja bermakna menyesali kesalahan yang kita lakukan tetapi mengambil keputusan untuk tidak akan melakukannya lagi serta berusaha untuk melakukan perkara yang betul. Ingatlah bahawa **Allah mengampuni kita** apabila kita bertaubat.

Selain daripada pertaubatan, Kisah Rasul-Rasul 2:38 juga memberi suatu perkara yang penting apabila kita memulakan hidup sebagai seorang Kristian. Apakah perkara tersebut?

Pembaptisan merupakan **langkah terbuka tentang iman** apabila kita mengumumkan kepada orang ramai secara terbuka tentang keputusan kita untuk dikenali sebagai seorang Kristian. Bagi mereka yang telah dibaptis ketika masih bayi, ada gereja yang mewajibkan mereka membuat pengesahan (*confirmation*) secara terbuka ketika sudah dewasa. Pengesahan ini bertujuan untuk membuat kenyataan umum bahawa mereka sanggup menerima keputusan yang telah dibuat oleh ibu bapa bagi pihak mereka. Kita mengalami kasih kurnia Tuhan apabila kita mematuhi-Nya dengan mengambil langkah iman ini. (*Lihat Buku 9 dalam Siri ini*)

Seterusnya, ada suatu hadiah yang Allah ingin berikan kepada kita. Baca bahagian akhir Kisah Rasul-Rasul 2:38 tadi. Apakah yang harus kita lakukan terhadap perkara itu? Tentu saja menerima hadiah tersebut. **Terimalah Roh Kudus.**



Allah Roh Kudus sendiri akan datang ke dalam hati kita. Dia datang untuk membantu kita hidup dalam kehidupan baru di dalam Yesus Kristus. Benarkanlah Dia untuk masuk dan membuat perubahan agar hidup anda menjadi lebih bermakna. Roh Allah dan pekerjaan-Nya yang menakutkan akan dibincangkan dengan lebih mendalam di dalam

Buku 5. Pada waktu ini cukuplah sekadar menyatakan bahawa Roh Allah akan membentuk perwatakan seperti Kristus dalam kehidupan Kristian. Tambahan pula, Dia akan memberi kurnia rohani agar kita boleh membangunkan gereja-Nya.

F. Kesimpulan

Allah menciptakan manusia supaya mereka dapat memuliakan Allah Pencipta dan menikmati hadirat-Nya selamanya.

Manusia telah gagal memuliakan Allah dan berada di bawah hukuman-Nya yang adil.

Yesus menanggung sepenuhnya murka tersebut dan menderita hukuman yang sepatutnya diberikan kepada orang berdosa.

“Ya Tuhan dan Allah kami, Engkau layak menerima puji-pujian dan hormat dan kuasa; sebab Engkau telah menciptakan segala sesuatu; dan oleh kerana kehendak-Mu semuanya itu ada dan diciptakan.”

(Why 4:11)

“Lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Allah.”

(1 Kor 10:31)

Kerana tidak mahu manusia berdosa binasa, Allah yang Maha Kasih bertekad untuk menyelamatkan manusia untuk kembali bersekutu kepada Diri-Nya.

“Kerana semua orang telah berbuat dosa..” (Rm 3:23)

“Sebab upah dosa ialah maut...” (Rm 6:23)

“Mereka ini akan menjalani hukuman kebinasaan selama-lamanya” (2 Tes 1:9)

Penyelesaian ilahi-Nya ialah menghantar Anak-Nya yang Kekal untuk menjadi manusia dan menjalani kehidupan yang sepatutnya kita jalani, dan mati untuk hukuman yang sepatutnya kita hadapi. Allah begitu mengasihi orang yang berdosa sehingga Dia mengutus Anak-Nya sebagai korban penebusan dari dosa mereka (1 Yohanes 4:10, Yohanes 6:37). Dia “...memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang” (Markus 10:45) dan “bangkit semula dari kematian” (2 Korintus 5:15) untuk mereka.

Semua orang, dengan kasih kurnia Allah, yang percaya kepada Yesus dengan sepenuh iman telah diampunkan.

“Inilah kasih: Bukannya kita telah mengasihi Allah, tetapi Allah mengasihi kita dan mengutus Anak-Nya supaya melalui Dia dosa kita diampunkan.” (1 Yoh 4:10)

“Semua orang yang diserahkan oleh Bapa kepada-Ku akan datang kepada-Ku. Aku tidak akan menolak sesiapa pun yang datang kepada-Ku” (Yoh 6:37)

“Anak Manusia tidak datang untuk dilayani; Dia datang untuk melayani orang serta menyerahkan nyawa-Nya untuk membebaskan banyak orang.” (Mrk 10:45)

“Kristus mati untuk semua orang, supaya orang yang hidup tidak lagi hidup untuk diri sendiri, melainkan untuk Dia yang sudah mati dan dibangkitkan untuk kebaikan mereka.” (2 Kor 5:15)

Jika anda mengakui diri anda adalah orang berdosa yang memerlukan Kristus, maka Tuhan telah memulai pekerjaan-Nya dengan memberikan kehidupan yang berubah, perhubungan kekal yang memuaskan dengan Diri-Nya! “Bertobatlah dan percayalah kepada Injil” (Markus 1:15). “Di hadapan-Mu ada sukacita berlimpah-limpah” (Mazmur 16:11).

Oleh itu tinggalkan keberadaan diri dan dosa anda. Datang kepada Yesus Kristus, dan terimalah kebaikan-Nya sebagai Pelindung, dan darah-Nya

sebagai penebusan anda. Jika anda percaya keselamatan anda hanya dengan Yesus (yakni anda tiada harapan keselamatan selain kasih Yesus sahaja), maka anda boleh dengan yakin mengetahui dosa anda telah diampuni dan Dia telah mengurniakan anda suatu kehidupan yang kekal.

G. Respon Saya


Apakah respon anda terhadap tawaran penyelamatan Allah dalam Yesus Kristus? Jika anda belum menjadi seorang Kristian, mungkin ada baiknya anda mengambil peluang ini untuk mempertimbangkan keadaan manusia yang sebenar dan bagaimana Allah mengambil tindakan untuk menyelamatkan kita daripada hukuman dosa. Kemudian, pertimbanglah secara serius untuk memberikan respon kepada Allah seperti yang telah dinyatakan di atas.

Jika pada ketika ini, anda mahu menerima keselamatan daripada Allah, lafazkan doa yang berikut dan berjumpalah dengan pastor ataupun pemimpin gereja agar mereka boleh memimpin anda selanjutnya.

“Ya Allah, Bapa Syurgawi, saya sedar bahawa saya telah ingkar terhadap Engkau. Sekarang saya memilih untuk berpaling daripada dosa saya. Saya bersyukur ke atas pengampunan Engkau kerana menghantar Yesus untuk mati bagi dosa saya. Saya mahu Yesus menjadi Penyelamat dan Tuhan saya. Saya menjemput Roh Kudus untuk masuk ke dalam kehidupan saya, agar Dia

membimbing saya untuk menikmati hidup yang bermakna bersama Engkau. Dalam nama Yesus saya berdoa, Amin.”

Menjadi seorang Kristian hanyalah satu permulaan. Ia merupakan **permulaan** bagi perjalanan kehidupan yang bermakna dan mengujakan. Kita perlu bertumbuh untuk menjadi semakin dewasa. Yesus memanggil kita menjadi murid-murid-Nya dan bukan menjadi seorang pemeluk agama semata-mata. Kita harus komited sepenuhnya untuk menjadi murid Yesus.



Semoga anda menjadi peka kepada bisikan dan bimbingan Tuhan. Amin.



Soalan untuk Perbincangan

1. Adakah memahami dosa sebagai keingkaran terhadap Allah yang kudus mengubah pendapat anda tentang dosa?
2. Apakah perubahan kelakuan luaran anda yang boleh dilihat apabila anda menyatakan bahawa anda benar-benar sudah bertaubat atas dosa anda?
3. Kenapa Injil Penyelamatan Kristus itu disebut sebagai Berita Baik?

4. Kenapa moral yang baik (seperti yang diajar oleh kebanyakan agama) bukanlah jawaban kepada keselamatan kita, baik di dunia mahupun di akhirat?


5. Mengapakah penting untuk anda mengumumkan secara terbuka kepada awam tentang iman anda terhadap Yesus?

6. Apa pendapat anda tentang pernyataan “Tidak ada keselamatan di luar Tuhan Yesus Kristus. Oleh itu, percayalah kepada Yesus dan bukan kesalehan diri anda sendiri”?

7. “Menjadi seorang Kristian hanyalah satu permulaan. Ia merupakan permulaan pada perjalanan hidup yang bermakna dan mengujakan.” Apakah erti kata-kata ini pada pemahaman anda secara praktikal?



NOTA



NOTA
